

SURATCARA PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS

SURATCARA PERLANTIKAN MUTAWALLI KHAS ini diperbuat

ANTARA

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG satu badan yang ditubuhkan menurut seksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 yang beralamat di Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur (selepas ini dirujuk sebagai "**Majlis**") sebagai satu pihak;

DAN

YAYASAN HUSNUL KHATIMAH (No. Pendaftaran : 202301051430 (1545344-U)) sebuah pertubuhan yang mempunyai alamat berdaftar di Kampung Lebu, Mukim Bentong, 28800 Bentong, Pahang (selepas ini dirujuk sebagai "**Mutawalli Khas**") sebagai satu pihak yang lain.

BAHAWASANYA Majlis adalah satu-satunya institusi yang bertanggungjawab mentadbir semua harta wakaf yang terletak dalam negeri Pahang Darul Makmur sepertimana menurut Enakmen Wakaf Pahang 2022.

BAHAWASANYA Majlis sebagai Pemegang Amanah Tunggal telah menerima wakaf harta yang diperihalkan dalam Perkara 1 Lampiran yang dikepilkan dalam suratcara ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Mawquf**").



مجلس ائمة اسلام واداء
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

WAKAF PAHANG

مجلس ائمة اسلام واداء

Sybil Pelantikan

MUTAWALLI KHAS WAKAF PAHANG

DENGAN INI DIPERAKUKAN BAHAWA

YAYASAN HUSNUL KHATIMAH

NO. MUTAWALLI : MWP/01/02/00038

telah dilantik secara rasmi sebagai Mutawalli Khas bagi
No. Hakmilik 5426, No. Lot 8050, Mukim Bentong, Daerah Bentong
berkuatkuasa 25 Februari 2025

X-21

YH. DATO' AHMAD HAIRI BIN HUSSAIN,
DSAP., DIMP., SAP., AMP., PKC.

Ketua Pegawai Eksekutif,

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang